



**STANDARDS**  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA 22 Jun 2017

---

### PENSIJILAN KESELAMATAN MAKANAN DAN KESELAMATAN MAKLUMAT MALAYSIA DIKTIRAF DUNIA

---

**BANGKOK, 21 Jun** – *The Joint Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation (APLAC)/Pacific Accreditation Cooperation (PAC) Annual Meetings* yang berlangsung pada 16-24 Jun 2017, hari ini telah mengumumkan **Malaysia** melalui **Standards Malaysia** sebagai penandatanganan baru kepada **PAC-Multilateral Arrangements (MLA)** bagi program **Food Safety Management System (FSMS)** dan **Information Security Management System (ISMS)**.

Pada masa yang sama, **Malaysia** telah berjaya mengekalkan status penandatanganan bagi program sedia ada iaitu **Quality Management Systems (QMS)**, **Environmental Management Systems (EMS)** dan **Product Certification**.

Keputusan ini adalah berdasarkan penilaian daripada 6 orang pakar yang terdiri daripada pegawai-pegawai badan-badan akreditasi negara rantau Asia Pasifik yang telah melaksanakan penilaian ke atas Standards Malaysia pada 25-28 Julai 2016 yang lalu.

Penilaian ini adalah berdasarkan standard dan kriteria serantau serta antarabangsa. Melalui status penandatanganan ini, produk dan perkhidmatan yang telah mendapat pensijilan daripada badan-badan pensijilan yang telah diakredit oleh Standards Malaysia diiktiraf serta boleh dieksport ke negara-negara rantau Asia Pasifik tanpa perlu dipersijilkan semula.

Ini secara tidak langsung memudahcara perdagangan memandangkan rakan dagangan utama Malaysia iaitu negara-negara ASEAN, Jepun, China dan Amerika Syarikat juga merupakan penandatanganan kepada PAC-MLA melalui badan-badan akreditasi di negara tersebut.

Sehingga kini, 6 badan pensijilan telah diakredit oleh Standards Malaysia bagi program FSMS manakala 2 badan pensijilan telah diakredit bagi program ISMS.



**STANDARDS**  
MALAYSIA

"Perluasan dan pengekalan status penandatanganan kepada PAC-MLA ini adalah komitmen Standards Malaysia dalam menyokong pengiktirafan terhadap persijilan produk dan perkhidmatan negara agar berkualiti justeru dapat menembusi pasaran antarabangsa" jelas Datuk Fadilah Baharin.

"Kejayaan ini juga bertambah manis apabila ianya adalah seiring dengan sambutan Hari Akreditasi Sedunia yang disambut pada setiap 9 Jun oleh badan-badan akreditasi di seluruh dunia" tambah Datuk Fadilah.

Tema sambutan Hari Akreditasi Sedunia pada tahun ini ialah "*Delivering Confidence in Construction and the Built Environment*", di mana sambutan pada tahun ini menumpukan kepentingan akreditasi dalam menyokong sektor pembinaan.

Dengan akreditasi, badan-badan pensijilan akan dipastikan kompeten untuk melaksanakan aktiviti pensijilan dan dapat membantu badan-badan berwajib menguatkuasakan undang-undang.

Sebagai contoh, 18 produk telah diwartakan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Akta 520) yang perlu mematuhi *Malaysian Standard* (MS) meliputi keperluan pengujian, pemeriksaan dan pensijilan.

Selain itu, bahan-bahan pembinaan yang hendak digunakan dalam pembinaan projek sistem pengangkutan rel bandar *Mass Rapid Transit* (MRT) perlu lulus pengujian daripada makmal-makmal yang telah diakredit oleh Standards Malaysia.

-----TAMAT-----



**STANDARDS**  
MALAYSIA

MS ISO/IEC 17025 – *General requirements for the competence of testing and calibration laboratories.*

Quality Management Systems (QMS) – Pensijilan pengurusan produk dan perkhidmatan berdasarkan standard antarabangsa *ISO 9001:2015 – Quality management systems - Requirements*

Environmental Management Systems - Pensijilan pengurusan produk dan perkhidmatan berdasarkan standard antarabangsa *ISO 14001:2015 – Environmental management systems – Requirements with guidance for use*

Product Certification – Pensijilan proses, produk atau perkhidmatan berdasarkan standard spesifik kepada produk

Food Safety Management Systems - Pensijilan pengurusan makanan berdasarkan standard antarabangsa *ISO 22000:2007 – Food safety management systems – Requirements for any organisation in the food chain*

Information Security Management Systems - Pensijilan pengurusan organisasi berdasarkan standard antarabangsa *ISO/IEC 27001:2013 – Information technology – Security techniques – Information security management systems - Requirements*

### **Latar belakang Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia)**

Jabatan Standard Malaysia adalah **Badan Standard Kebangsaan dan Badan Akreditasi Kebangsaan** yang memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan, melalui aktiviti standardisasi dan perkhidmatan akreditasi yang berwibawa bagi peningkatan daya saing global.

Ditadbir di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549), Standards Malaysia adalah sebuah agensi yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996, di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Selama lebih daripada 20 tahun, kami telah berjaya membangunkan lebih daripada 5,000 Malaysian Standards (MS) dan menawarkan perkhidmatan akreditasi untuk menyumbang secara positif kepada ekonomi, masyarakat, alam sekitar dan kesejahteraan negara.

Sebagai badan berwibawa, kami terus melibatkan diri dengan pihak berkepentingan untuk membangunkan MS yang dapat melindungi kepentingan pengguna demi memberikan jaminan kesihatan dan keselamatan. Standards Malaysia juga sebagai penandatanganan kepada *Mutual Recognition Arrangements* dan *Multi-Lateral Recognition Agreements* di peringkat serantau dan antarabangsa, dan adalah tertakluk kepada proses penilaian. Dengan itu, ia dapat meningkatkan daya saing Malaysia dengan memudahkan perdagangan melalui pengiktirafan antarabangsa terdapat produk dan perkhidmatan melalui MS dan akreditasi.

Untuk maklumat lanjut: [www.jsm.gov.my](http://www.jsm.gov.my)